KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

INISIATIF WILAYAH CAKNA MEMBANTU WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri hari ini telah meluluskan inisatif Wilayah Cakna yang dibentangkan bagi menguruskan impak penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Keselamatan (PKP) terhadap warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Wilayah Cakna adalah inisiatif hasil penyelarasan maklumat dan tindakan melalui Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri WP dan Pusat Pengurusan Krisis (CMC) yang saya pengerusikan, bertujuan menyelaraskan pengagihan bantuan dalam bentuk makanan, barangan, pengecualian bayaran, tunai dan perkhidmatan kepada golongan miskin bandar, peniaga kecil dan penjaja, pekerja gaji harian, petugas kesihatan dan petugas penguatkuasaan PKP.

Jumlah keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM63.6juta (RM63,596,650). Sebahagian besar daripadanya, iaitu RM54.3 juta (RM54,296,550) adalah bagi membantu warga Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada golongan miskin bandar, golongan B40, pelajar, gelandangan, peniaga kecil dan penjaja. RM5.9 juta (RM5,945,100) diperuntukkan untuk membantu para Petugas Barisan Hadapan yang terdiri daripada petugas perubatan dan peguatkuasaan PKP. Manakala RM3.4 juta (RM3,355,000) adalah bagi membantu pesakit, pesakit di bawah pemantauan (PUI) dan mangsa COVID-19.

Di antara bantuan yang diberikan adalah pengecualian bayaran sewa kepada 40,000 penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) MTEN-DBKL yang bernilai RM4.96 juta, Zakat Khas RM500 bagi setiap keluarga kepada 24,196 keluarga sebanyak RM12.1 juta, Bantuan *One-Off* RM500 kepada peniaga kecil dan penjaja berjumlah RM11.8 juta dan Bantuan Kewangan dan Elaun Khas kepada Petugas Barisan Hadapan berjumlah RM5.4 juta.

Keputusan meluluskan peruntukan yang besar ini membuktikan bahawa, biarpun berhadapan dengan kedudukan ekonomi dan kewangan yang begitu mencabar, rakyat tetap menjadi keutamaan dan kerajaan amat prihatin terhadap kesukaran yang dihadapi oleh rakyat, terutama golongan miskin bandar dan petugas yang setiap hari menyabung nyawa membantu pesakit dan memerangi wabak COVID-19 ini.

Semoga semua rakyat Malaysia bersatu hati dalam perang terhadap COVID-19 dan mematuhi segala arahan PKP. Mudah-mudahan dengan kesatuan dan berkat usaha semua pihak, penularan wabak ini segera berakhir dan kita boleh segera bangkit memulihkan negara.

TAN SRI TPr HJ ANNUAR MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
25 Mac 2020

RINGKASAN SEBAHAGIAN DARIPADA BANTUAN YANG DIBERIKAN

1. Bantuan kepada **Kluster PETUGAS**

i.	Makanan dan Minuman	RM180,100.00
ii.	Kewangan, Elaun Khas Petugas Perubatan dan Penguatkuasaan PKP	RM5,415,000.00
iii.	Peralatan Tambahan	RM500,000.00

2. Bantuan kepada **Kluster PESAKIT, PUI dan MANGSA**

i.	Pesakit, PUI dan Mangsa Sara Hidup dan Khairat	RM85,000.00
ii.	Peralatan Tambahan Mesin Bantuan Pernafasan	RM3,270,000.00

3. Bantuan kepada **Kluster WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN**

i.	**Penduduk Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) MTEN-DBKL** • 40,000 Penyewa PPR dan PA MTEN-DBKL - Pengecualian 1 bulan sewa - Penangguhan 2 bulan sewa • 6,000 Pembeli PPR dan PA MTEN-DBKL - Penangguhan 3 bulan bayaran balik pembiayaan tanpa sebarang penalti lewat bayar bagi pembelian rumah di bawah Skim Pembiayaan Khas Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan, anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan	RM4,960,000

ii.	**Penjaja dan Peniaga Kecil**
	• **Kuala Lumpur**
	  • Pengecualian sewa 3 bulan kepada 6,000 penjaja
	  • Sumbangan *one-off* RM500 kepada 17,617 penjaja (bazaria, pasar malam, *food truck*, gerai tepi jalan, penjaja beredar, permit sementara, waktu terhad, pasar tani)
		RM4,200,000.00

	• **Putrajaya**
	  • Pengecualian 2 bulan sewa premis PPj (medan selera, pasar awam *food truck)*
	  • Pengecualian 2 bulan sewa bagi program penjualan barangan keperluan harian di semua premis PPj
	  • Sumbangan one-off RM500 kepada penjaja dan peniaga kecil
		RM800,000.00

	• **Labuan** • Sumbangan one-off RM500 kepada penjaja dan peniaga kecil	RM100,000.00

*Jumlah keseluruhan sumbangan one-off RM500 kepada penjaja dan peniaga kecil di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan adalah **RM 11,808,500**

iii.	**Miskin Bandar, B40 dan Gelandangan** • **Kuala Lumpur** - '*food pack'* kepada 65,000 keluarga miskin, B40	RM6,500,000.00

	• **Putrajaya**
	  - *'food pack'* kepada 1,000 keluarga miskin, B40
	  - Pengecualian denda lewat Bayar cukai pintu
		RM100,000.00

	• **Gelandangan** - Bantuan makanan 700 orang sehingga 31 Mac 2020	RM84,000.00

	• **Asnaf zakat** - Percepatkan bantuan kewangan bulanan 22,000 keluarga - Zakat Khas RM500 bagi setiap keluarga kepada 24,196 keluarga	RM12,098,000.00
iv.	• **Pelajar PICOMs dan Kolej Baitulmal** - 90 pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMs) - 150 pelajar Kolej Profesional Baitulmal KL	RM19,500.00 RM36,150.00
v.	Perkhidmatan Pembersihan dan Nyah Kuman	RM1,000,000.00
vi.	**Pekerja Gaji Harian DBKL dan Perbadanan Putrajaya** diberikan bayaran penuh gaji bulanan	